



Ruj. kami : JKNS/KA/V/600-5/2/2 JLD 3 (61)
Tarikh : 8 Disember 2023

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Tuan,

DENGUE ALERT: PENINGKATAN KES DENGGI DI SELANGOR BAGI TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/ tuan, Selangor sedang mengalami tren peningkatan kes denggi semenjak Minggu Epidemiologi (ME) 44/2023. Pada masa yang sama, kes kematian juga telah meningkat di beberapa daerah. Sehingga ME 48/2023, sebanyak 54,936 kes dengan 14 kematian telah didaftarkan di Selangor. Manakala peningkatan wabak juga telah dilihat meningkat dengan ketara seperti di **Lampiran 1**.

3. Oleh yang demikian, pihak YBhg. Datuk/ tuan dimohon untuk memaklumkan kepada semua pengamal perubatan swasta yang berdaftar dengan pertubuhan YBhg. Datuk/ tuan untuk meningkatkan indeks pengesanan kes denggi dan dapat mengenalpasti tanda-tanda amaran denggi (*warning signs*) agar kes dirujuk segera ke hospital untuk rawatan selanjutnya. Bagi fasiliti kesihatan swasta yang tiada *Dengue Combo Test Kit* (DCTK), diminta untuk merujuk kes-kes yang disyaki demam denggi ke mana-mana fasiliti kesihatan kerajaan untuk ujian pengesanan. Pengamal perubatan juga perlu diingatkan untuk membuat notifikasi melalui e-Notifikasi dalam masa 24 jam bagi semua kes disyaki atau disahkan sebagai kes demam denggi agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera untuk mengurangkan peningkatan kes.

4. Selain itu, pihak YBhg. Datuk/ tuan adalah diminta untuk memaklumkan kepada semua pengamal perubatan yang melihat atau merawat pesakit perlu menjalani latihan secara berterusan (CME) mengenai pengurusan denggi. Pengamal perubatan boleh mengikuti sesi latihan yang dijalankan melalui atas talian seperti berikut:

- a) Dengue Training for Primary Care:
<https://www.openlearning.com/courses/dengue-online-training/?cl=1>
- b) Dengue Training for Secondary Care:
<https://www.openlearning.com/courses/dengue-training-for-secondary-care/?cl=1>

DENGUE ALERT: PENINGKATAN KES DENGGI DI SELANGOR BAGI TAHUN 2023

5. Pihak YBhg. Datuk/ tuan boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan untuk sebarang pertanyaan serta maklumat lanjut berkenaan program dan status denggi yang berkaitan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ tuan dalam usaha menurunkan kes denggi di negeri Selangor dan seterusnya di negara kita amat dihargai serta diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. WAN NORAINI BINTI WAN MOHAMED NOOR, J.S.M.)

MPM: 36963, NSR: 127697

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

b. p. Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

s.k :-

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Ketua Unit - Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

- Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

SENARAI EDARAN

Pengerusi
Malaysian Medical Association Selangor
NO. 9, Lorong Bahagia
245500 Tanjong Karang Selangor

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

Wakil Sekretariat Negeri
The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Inovasi 1
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

JADUAL KES DAFTAR DENGGI NEGERI SELANGOR 2023 (SEHINGGA MINGGU EPID 48/2023) MENGIKUT DAERAH

DAERAH	KES DENGGI	
	KES DAFTAR	KEMATIAN
Petaling	17954	8
Hulu Langat	14367	1
Klang	8300	2
Gombak	7472	1
Selangor	2135	0
Hulu Selangor	1885	2
Kuala Langat	1360	0
Kuala Selangor	1221	0
Sabak Bernam	242	0
Jumlah	54936	14

JADUAL LOKALITI WABAK PADA AKHIR MINGGU EPID 48/2023

DAERAH	BILANGAN LOKALITI			JUMLAH LOKALITI WABAK AKTIF
	WABAK TERKAWAL	WABAK TAK TERKAWAL	<i>HOTSPOT</i>	
HULU LANGAT	182	27	18	227
PETALING	160	18	41	219
GOMBAK	96	9	7	112
KLANG	83	10	3	96
KUALA LANGAT	10	2	1	13
HULU SELANGOR	10	1	1	12
SABAK BERNAM	3	0	0	3
KUALA SELANGOR	2	0	0	2
SEPANG	0	0	0	0
SELANGOR	546	67	71	684